



## SIARAN AKHBAR

### BDCB MEMBUAT SUMBANGAN ASET TEKNOLOGI KEPADA IBTE KAMPUS JEFRI BOLKIAH

---

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), melalui inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR), telah menyumbangkan sebanyak 26 aset teknologi maklumat (IT) yang digunakan semula (*repurposed*), yang terdiri daripada 13 servers dan 13 peranti rangkaian, kepada Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Kampus Jefri Bolkiah.
2. Majlis penyerahan telah berlangsung di Kampus IBTE Jefri Bolkiah, Kuala Belait. BDCB diwakili oleh Yang Mulia Hajah Sufinah binti Haji Sahat, Penolong Pengarah Urusan, Perkembangan Korporat serta beberapa pegawai kanan dan ahli Jawatankuasa Tanggungjawab Sosial Korporat BDCB.
3. Aset-aset ini telah diubah suai agar kekal dalam keadaan yang amat baik dan berfungsi sepenuhnya untuk menyokong keperluan sumber mesin virtual. Dengan penyerahan aset-aset yang diberikan nafas baharu ini, BDCB tidak hanya menyokong kelestarian tetapi juga bertujuan untuk mengembangluaskan lagi peluang pembelajaran pelajar-pelajar kampus.
4. Inisiatif ini juga mencerminkan komitmen BDCB terhadap pembangunan komuniti, memupuk kemajuan pendidikan, dan menyokong perkembangan kepakaran untuk memperkasakan tenaga kerja masa hadapan negara.

#### Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 23 Jamadilawal 1446 / 25 November 2024  
Rujukan: BDCB/COMMS/3